

# **MAJLIS SANTAPAN BERADAT MEMULIAKAN KDYMM SPB YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA PERMAISURI AGONG**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5451-majlis-santapan-beradat-memuliakan-kdymmm-spb-yang-di-pertuan-agong-dan-raja-permaisuri-agong](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5451-majlis-santapan-beradat-memuliakan-kdymmm-spb-yang-di-pertuan-agong-dan-raja-permaisuri-agong)

KUALA LUMPUR, 1 Okt 19 - Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Almutawakkil Allallah Sultan Iskandar Al-Haj telah berkenan mencemar duli ke Majlis Santapan Beradat sempena memuliakan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang berlangsung di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM.

Majlis yang dihoskan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) turut dihadiri oleh Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu; Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Senator Liew Chin Tong; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin, Panglima-panglima Perkhidmatan, Pegawai-pegawai Kanan ATM beserta pasangan.



